



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Oktober 2023
09 Rabiulakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Tapah seberat 67kg dijual RM2,680
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Ikan tapah RM2,680 sebesar anak lembu
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• 31 bubu naga dirampas
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	15	24.10.2023



IKAN tapah sebesar anak lembu bernilai RM2,680 berjaya ditangkap seorang nelayan darat di Kuala Tahan, Jerantut semalam.

Ikan tapah RM2,680 sebesar anak lembu

JERANTUT – Tidak pernah tersemat dalam fikiran seorang nelayan darat bahawa dia akan menangkap seekor ikan tapah sebesar anak lembu bernilai RM2,680 di Kuala Tahan, di sini semalam.

Ikan tapah seberat 67 kilogram itu berjaya ditangkap Sabarudin Abu Bakar, 45, menggunakan taut yang dipasang di Sungai Tembeling di sini.

Sabarudin berkata, dia terkejut melihat ikan tapah sebesar anak lembu itu dengan jualan meraihi sehingga RM2,680.

"Saya turun ke sungai semalam (kelmarin) dengan memasang beberapa batang taut menggunakan umpan ikan keli di kawasan tebing dan kebiasaannya berdekatan lubuk tempat ikan berkumpul.

"Sebagai nelayan sungai di sini seperti juga penduduk di sepanjang Sungai Tembeling saya tidak kisah jenis ikan yang diperolehi asalkan boleh dijual dan juga sebagai juadah keluarga," katanya di sini semalam.

Menurutnya, ketika menje-

ngah ke taut dipasang semalam dia mendengar bunyi kuat kockakan air sebelum nampak taut ditarik dan ikan yang bersaiz besar bergumpal di permukaan air cuba melepaskan diri.

"Saya berhati-hati menarik ikan tapah ke atas tebing yang tersangkut di mata taut supaya 'rezeki' hari ini tidak terlepas semula," katanya.

Ceritanya, kejayaan menangkap ikan gergasi itu merupakan pengalaman pertamanya sejak melakukan kerja menangkap ikan dari usia remaja.

"Setelah ditimbang ikan tapah ini seberat 67 kilogram. Ia dijual kira-kira RM40 sekilogram kepada penduduk kampung dengan hasil keseluruhan jualan RM2,680.

"Saya simpan sedikit untuk juadah keluarga. Ini kali pertama saya dapat tangkapan yang sangat berat, sebelum ini spesies ikan liar ditangkap cuma antara dua hingga 20 kilogram ketika menahan taut dan memancing di Sungai Tembeling," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	35	24.10.2023

Tapah seberat 67kg dijual RM2,680

JERANTUT: Seorang nelayan Sungai Tembeling meraih keuntungan lumayan apabila memperoleh tangkapan seekor ikan tapah seberat 67 kilogram di Kuala Tahan di sini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, nelayan tersebut, Sabaruddin Abu Bakar berkata, dia turun ke Sungai Tembeling sambil berdoa mengharapkan rezeki hasil tangkapan yang lumayan untuk dijual bagi menampung perbelanjaan keluarga.

“Saya turun ke sungai semalam dengan memasang beberapa batang taut menggunakan umpan keli di kawasan tebing dan kebiasaannya berdekatan lubuk tempat ikan berkumpul.

“Sememangnya sebagai nelayan sungai seperti juga penduduk sepanjang Sungai Tembeling, kita tidak kisah apa jenis ikan yang diperolehi asalakan boleh dijual dan juga bagi makanan keluarga,” katanya di Kuala Tahan di sini semalam.

Menurut Sabaruddin, ketika menjengah pada taut dipasangnya, dia mendapati bunyi air kuat berkocak serta nampak seekor ikan bersaiz besar bergumpal di permukaan cuba



SABARUDDIN Abu Bakar (kanan) dibantu rakannya menaikkan ikan tapah seberat 67 kilogram ke daratan di Kampung Kuala Tahan di Jerantut, Pahang.

melepaskan diri.

“Saya agak terkejut serta menduga keadaan ini sudah tentu ikan bersaiz besar malah kemudiannya sudah tahu seekor ikan tapah berasaskan nampak ekor dan badannya ketika bergumpal di permukaan air,” katanya.

Katanya, dia berhati-hati menarik ikan tapah ke atas tebing yang tersangkut di mata taut umpan ikan keli supaya ‘rezeki’ itu tidak terlepas semula ke air.

Katanya, buat pertama kali

berjaya menangkap ikan sebesar saiz ‘anak lembu’ lalu dibawa pulang ke rumah untuk ditimbang sambil mencongak pendapatan apabila dijual nanti.

“Setelah ditimbang mendapati ikan tapah ini seberat 67 kilogram dan ini merupakan pertama kali saya peroleh tangkapan yang sangat berat. Sebelum ini saya peroleh antara dua hingga 20 kilogram spesies ikan liar ditangkap ketika menahan taut dan memancing di Sungai Tembeling,” ujarnya.

						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY	
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI	
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		27
							24.10.2023

SK M577

31 bubu naga dirampas

LUMUT - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Perak merampas 31 set bubu naga di kedudukan 1.1 batu nautika timur laut Pulau Talang di sini pada Ahad.

Pengarahnya, Kepten Maritim Mohd Hambali Ya'akup berkata, bubu itu dikesan menerusi rondaan Op Pintas dan Op Tiris di perairan Perak.

"Pasukan curiga melihat terdapat pelampung berwarna putih yang diikat pada pancang kayu di sekitar perairan berkenaan.

"Pemeriksaan mendapati pelampung itu adalah penanda lokasi bubu naga," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Menurutnya, rampasan dilakukan dan dibawa ke Jeti Perikanan Kampung Acheh untuk tindakan lanjut.